

Pendahuluan

Hak wanita Islam untuk mencapai tahap kesihatan seksual dan reproduktif yang tinggi, membuat keputusan sendiri mengenai perkahwinan, keibuan, kontrasepsi (pencegahan kehamilan) dan seksualiti bebas daripada paksaan, diskriminasi dan keganasan, semuanya terkandung di dalam prinsip-prinsip asas Shari'ah. Namun begitu, wanita Islam di serata dunia tidak berkemampuan menyuarakan pendapat mereka mengenai hubungan seks, kehamilan, kontrasepsi dan perkara-perkara lain berhubung dengan kesihatan reproduktif dan seksual mereka. Wanita Islam patut menguasai isu-isu ini kerana semua ini adalah isu-isu yang mempunyai kesan langsung terhadap kesempurnaan jasmani, rohani dan psikologi mereka sendiri, dan juga terhadap seluruh keluarga.

Kematian akibat kehamilan dan kelahiran anak masih tinggi, peluang untuk menggugurkan kehamilan secara selamat dan sah di sisi undang-undang masih sukar, perancangan keluarga dan penggunaan kontraseptif (pencegah kehamilan) masih rendah, dan hubungan seks yang selamat, saling dipersetujui dan memuaskan, semuanya, masih tidak tercapai oleh kebanyakan wanita. Tambahan pula, keganasan rumah tangga dan paksaan seksual menyumbang kepada masalah-masalah kesihatan seperti risiko keguguran dan jangkitan penyakit STD (penyakit kelamin) dan HIV/AIDS.

Masalah-masalah ini merupakan satu kelaziman bagi wanita daripada semua lapisan masyarakat. Tetapi apa yang sering kelihatan adalah wanita Islam mengalami halangan lebih, yang kononnya dikenakan oleh agama, dalam perjuangan untuk mendapatkan hak ke atas tubuh sendiri dan seksualiti mereka. Perbincangan serius mengenai hak reproduktif dan seksual wanita Islam jarang berlaku dan isu-isu ini kurang sekali dianalisis dalam ruang lingkup agama oleh sarjana-sarjana Islam progresif, atau ditangani dalam konteks konteks tempatan Asia.

Oleh kerana rasa prihatin terhadap permasalahan ini, Sisters in Islam telah menganjurkan satu bengkel serantau Asia Tenggara mengenai Islam, Kesihatan Reproduktif dan Hak-hak Wanita pada 1998. Bengkel ini telah diadakan semasa suasana kekhawatiran mengenai kaveat menghormati budaya tempatan yang dipersetujui di Kaherah semasa Persidangan Antarabangsa mengenai Kependudukan dan Pembangunan 1994 yang mungkin akan menguatkan lagi ruang-ruang batasan mengenai kesihatan dan hak reproduktif, serta perkahwinan dan keluarga dalam masyarakat Islam. Tujuan bengkel tersebut adalah untuk mengutarakan fahaman progresif dalam ajaran-ajaran Islam mengenai kesihatan reproduktif dan hak-hak wanita dengan cara bertukar-tukar perspektif, analisis dan pengalaman antara para sarjana dan aktivis yang berkerja dalam bidang berkenaan.

Empat puluh tiga peserta dari Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Mesir, Pakistan dan Amerika Syarikat telah menghadiri bengkel empat hari itu. Mereka

termasuklah lima sarjana Islam antarabangsa, para aktivis yang bergiat dalam bidang kesihatan dan hak-hak wanita dalam Islam, para peguam Shari'ah dan penggubal-penggubal dasar. Satu laporan persidangan bengkel telah diterbitkan pada 1999 dan juga sebuah buku mengandungi keseluruhan kertas kerja yang diterbitkan pada 2000.*

Risalah soal jawab ini adalah terbitan ketiga daripada hasil bengkel tersebut. Sisters in Islam bekerjasama dengan Persatuan daripada Keluarga Kelantan kerana kami ingin menjadikan risalah ini sebagai sumber yang mudah diperolehi dan dibaca maklumatnya dar berbagai perspektif berkenaan Islam dan perancangan keluarga. Ini adalah untuk memenuhi keperluan penyampai perkhidmatan pada peringkat akar umbi tentang maklumat tersebut, serta membantu wanita dan lelaki Islam dalam membuat keputusan berdasarkan pengetahuan tentang penggunaan alat kontrasepsi. Risalah ini menolong menyediakan jawapan terhadap soalan yang biasa dikemukakan mengenai pandangan Islam tentang isu-isu kesihatan reproduktif dan hak-hak wanita, seksualiti, perancangan keluarga dan penggunaan kontrasepsi. Kami berharap risalah ini berguna kepada penyampai perkhidmatan kesihatan dan perancang keluarga serta kepada wanita dan lelaki yang berminat dalam isu-isu kesihatan reproduktif dan hak-hak wanita.

Kami ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada allahyarham Dr Abdel Rahim Omran (yang pernah bertugas sebagai Ketua Penasihat Kependudukan di Universiti al-Azhar, Kaherah), di mana kertaskerja beliau “Contraception, Abortion and Reproductive Issues in the Legacy of Islam” yang dibentangkan dalam bengkel tersebut menyediakan kebanyakan jawapan teologikal dalam risalah ini. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Persekutuan Persatuan-persatuan Perancangan Keluarga Malaysia dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara untuk segala sumbangan mereka dalam menghasilkan risalah ini.

**Sisters in Islam
Persatuan Perancangan Keluarga Kelantan**

*Sisters in Islam. *Report of Proceeding dalam Bengkel Serantau Islam, Reproductive Health and Women's Rights*, Kuala Lumpur, 1999.

*Zainah Anwar dan Rashidah Abdullah (penyunting), *Islam, Reproductive Health and Women's Rights*, Kuala Lumpur: Sisters in Islam, 2000.

Islam dan Perancangan Keluarga

1. Adakah terdapat ayat al-Qur'an yang mengharamkan perancangan keluarga?

Tidak. Ayat seperti itu tidak terdapat di dalam al-Qur'an. Oleh kerana al-Qur'an tidak menyebut apa-apa tentang perancangan keluarga, ramai ulama mentafsirkan bahawa al-Qur'an tidak melarang amalan ini.

Pada tahun 1979 dan 1980, bekas Mufti Mesir dan juga Imam Besar Universiti al-Azhar, Sheikh Jadel Haq Ali Jadel Haq, telah mengeluarkan fatwa yang menyatakan:

"Satu semakan menyeluruh al-Qur'an menunjukkan bahawa tidak terdapat nas yang menghalang pencegahan kehamilan atau mengurangkan bilangan anak. Akan tetapi, terdapat beberapa hadith Nabi saw yang menunjukkan bahawa pencegahan kehamilan adalah dibolehkan."¹

Lantaran itu, Islam membenarkan penggunaan kontrasepsi untuk menjarakkan kelahiran anak sesebuah keluarga atau menghadkan jumlahnya menurut kemampuan keluarga daripada segi fizikal, ekonomi dan budaya.

Allahyarham Dr. Abdel Rahim Omran, yang pernah bertugas sebagai Ketua Penasihat Penduduk kepada Universiti al-Azhar, telah menjalankan kajian mendalam mengenai Perancangan Keluarga dalam Islam. Kajian ini siap pada 1991. Beliau telah mengkaji ajaran al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah saw serta mengumpul segala pendapat para ulama dan fuqaha Islam sepanjang 14 abad mengenai pembentukan dan perancangan keluarga.² Berdasarkan penulisan fiqh yang merangkumi 14 abad, Dr. Omran telah membuat kesimpulan bahawa sejumlah besar para ulama berpendapat kontrasepsi dibenarkan dengan persetujuan isteri (atau suami apabila kaedah kontrasepsi digunakan oleh isteri).

2. Adakah terdapat apa-apa kaedah pencegahan kehamilan yang diamalkan pada zaman Nabi Muhammad saw?

Terdapat kira-kira 32 hadith sahih mengenai amalan al-azl (mengeluarkan air mani di luar faraj / coitus interruptus) sebagai kaedah kontraseptif yang digunakan oleh orang-orang Islam pada zaman Nabi saw termasuklah sebilangan daripada para Sahabatnya. Kaedah pencegahan kehamilan ini telah berkali-kali disebut di hadapan Nabi saw dan baginda tidak mengharamkannya. Sebuah hadith menyatakan bahawa:

"Kami [para Sahabat Nabi saw] pernah mengamalkan kaedah azal pada zaman Nabi saw semasa al-Qur'an diturunkan." (Hadith al-Bukhari, Muslim, Tirmidhi, Ibn Maja dan Ibn Hanbal)

Sebuah lagi hadith menyatakan bahawa:

“Kami pernah mengamalkan al-azl pada zaman Nabi saw. Rasulullah telah mendapat tahu mengenainya, tetapi baginda tidak melarang kami [daripada melakukannya].” (Hadith Muslim)

3. *Apakah kepentingan hadith-hadith ini?*

Para Sahabat Nabi saw telah biasa dengan penerimaan wahyu Allah swt yang memperbetulkan atau mengharamkan amalan-amalan yang berleluasa pada zaman itu. Misalnya, pada mulanya ayat-ayat yang diturunkan tidak menggalakkkan amalan berjudi dan meminum minuman keras, tetapi akhirnya amalan-amalan tersebut telah diharamkan. Oleh kerana tidak ada ayat yang diturunkan untuk mengharamkan amalan al-azl sebagai kaedah kontrasepsi pada zaman semasa para Sahabat dan orang-orang Islam di Madinah mengamalkannya, ini bermakna bahawa Allah swt membenarkan amalan tersebut.

Oleh kerana para Sahabat Nabi saw membenarkan al-azl dan ada pula di antara mereka yang mengamalkannya – dengan pengetahuan serta kebenaran Nabi saw – maka sejumlah besar para ulama menganggap bahawa Islam jelas membenarkan amalan al-azl.

4. *Jika al-azl dibenarkan untuk mencegah kehamilan, apakah hukum Islam terhadap kaedah kontrasepsi yang lain?*

Jika dilihat sebagai satu kiasan (qiyas: alat perundangan Islam yang merupakan panjangan sesuatu hukum Shari'ah daripada kes asal kepada kes baru), para ulama telah memutuskan bahawa kaedah kontrasepsi yang lain juga dibenarkan selagi tujuannya adalah untuk mencegah kehamilan.

Oleh itu, jenis-jenis kontrasepsi moden, termasuk kaedah rintangan seperti diagfrigma (diaphragm) dan kondom, spermasid, pil, suntikan dan IUD (Alat Dalam Rahim) dibenarkan, seperti juga cara-cara semulajadi termasuklah kaedah masa selamat, kaedah suhu badan dan kaedah mukus pangkal rahim (serviks).

Penyokong perancangan keluarga menyatakan bahawa apa juga bentuk kontrasepsi yang tidak membinaaskan kebolehan menghasilkan anak (procreate) adalah dibenarkan. Kontrasepsi moden dianggap lebih baik daripada al-azl kerana penggunaannya adalah selamat dan efektif serta membolehkan perhubungan seks yang normal dan sempurna dalam perkahwinan.

5. *Adakah ini bermakna bahawa saya boleh mengambil pil kontraseptif?*

Ya. Merancang keluarga dengan memakan pil kontraseptif adalah tidak berdosa daripada sudut pandangan Islam. Pil berfungsi dengan menghalang ovulasi (penetasan telur) dan juga menebalkan mukus pangkal rahim. Ini akan menyukarkan sperma memasuki ke dalam rongga rahim. Ini bermakna telur atau sperma tidak dibunuh kerana

pil hanya mencegah penghasilan telur. Pertemuan telur dan sperma langsung tidak berlaku. Justeru itu pensenyawaan tidak berlaku.

6. *Apakah yang terkandung di dalam pil kontraseptif?*

Pil kontraseptif mengandungi satu atau dua jenis hormon tiruan, sama seperti hormon yang dikeluarkan oleh badan semasa mengandung. Hormon tiruan ini dibuat daripada bahan kimia dan bukan daripada bahan yang diperolehi daripada binatang. Bahan-bahan yang terkandung dalam pil kontraseptif telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah di bawah Kementerian Kesihatan, Malaysia.

7. *Adakah Islam membenarkan Alat Dalam Rahim (IUD) digunakan?*

Ia dibenarkan. Apa juga kaedah perancangan keluarga yang menghalang kehamilan dan pensenyawaan telur dan sperma adalah tidak haram di sisi Islam, berdasarkan penjelasan soalan 4. Kaedah IUD ini juga adalah kaedah kontrasepsi sementara dan tidak merosakkan keupayaan seseorang wanita untuk hamil lagi.

Walaupun tindakbalas mekanisma masih belum jelas, IUD tidak menghalang pengeluaran telur. Penyelidikan menunjukkan bahawa alat IUD boleh mencegah pensenyawaan dengan mempercepatkan pergerakan telur dalam tiub fallopio supaya ia tidak bertemu dengan sperma. Ia juga boleh menukar dinding rahim untuk tidak menerima telur, di samping mengganggu perjalanan sperma melalui rahim dan tiub fallopio.

8. *Apakah hukum Islam bagi seseorang wanita Islam yang meninggal dunia sedangkan dia masih memakai Alat Dalam Rahim (IUD)? Mestikah alat itu dikeluarkan?*

Alat IUD diperbuat daripada plastik dan tembaga (kuprum / copper) dan tidak mengandungi apa-apa ubat atau bahan yang haram. Apabila seseorang wanita itu meninggal dunia, alat IUD, samalah seperti tulang palsu ataupun alat perentak jantung (pacemaker) yang tidak perlu dikeluarkan.

9. *Sekiranya suami saya memakai kondom, adakah ini bermakna kami membunuh benih atau embrio?*

Kondom bertindak dengan menakung air mani yang dikeluarkan semasa persetubuhan. Sperma bukannya embrio dan tidak boleh menjadi embrio tanpa pensenyawaan dengan telur. Air mani tidak boleh memasuki faraj dan ini mencegah pensenyawaan daripada berlaku. Tidak ada embrio yang terbentuk. Oleh yang demikian, isu pembunuhan embrio tidak timbul.

10. *Benarkah memakai kondom berdosa sebab air mani dibuang?*

Ini tidak benar. Nabi Muhammad saw sendiri membenarkan umatnya merancang keluarga dengan mengamalkan al-azl iaitu mengeluarkan air mani di luar faraj.

11. Mengapakah terdapat salah tanggapan bahawa Islam mengharamkan kontrasepsi?

Salah tanggapan ini disemaikan di merata dunia oleh beberapa ulama yang telah menggunakan ayat-ayat al-Qur'an tertentu untuk memberi imbasan pengharaman berdasarkan sebab-sebab berikut:

- merancang keluarga adalah sama seperti membunuh anak atau wa'd yang diharamkan;
- merancang keluarga bertentangan dengan takdir (qadar) dan ajaran Islam yang menyuruh kita bergantung kepada Allah swt (tawakkal);
- merancang keluarga menidakkan kebolehan Allah swt untuk memberi rezeki bagi menampung kehidupan seseorang itu tanpa mengira jumlah anaknya;
- merancang keluarga adalah bertentangan dengan seruan meramaikan lagi ummah (kathrah).

Disebabkan oleh ajaran begini, terdapat orang Islam, lelaki dan wanita yang mempercayai bahawa Islam mengharamkan kontrasepsi. Kami akan menunjukkan bahawa idea-idea sebegini tidak termaktub dalam al-Qur'an.

12. Adakah kontrasepsi sama seperti membunuh bayi?

Mereka yang menentang perancangan keluarga berpendapat bahawa mana-mana amalan yang mencegah kehamilan adalah pembunuhan bayi. Mereka memetik beberapa ayat al-Qur'an yang mengharamkan pembunuhan bayi seperti Surah al-An'am 6:140, 6:151, Surah al-Isra' 17:31, Surah al-Mumtahinah 60:12, Surah al-Takwir 81:8-9, untuk membuktikan mengapa Islam tidak membenarkan kontrasepsi.

Mencegah kehamilan bukan membunuh bayi. Pembunuhan bayi berlaku apabila anak yang dilahirkan hidup dibunuh dengan menanamnya hidup-hidup, atau dibuang – satu amalan biasa terutamanya terhadap bayi perempuan, semasa zaman Jahiliyah. Allah swt membencikan amalan-amalan seperti ini. Justeru itu ayat-ayat di atas diturunkan yang dengan jelas mengharamkan pembunuhan bayi dan menjadikannya satu dosa besar.

Kontrasepsi menghalang berlakunya pensenyawaan. Ini bermakna embrio tidak terbentuk, dan persoalan bagaimana ia akan melalui peringkat-peringkat pertukaran kepada janin (foetus) dan akan dilahirkan ke dunia sebagai bayi tidak timbul sama sekali. Oleh itu ia bukanlah pembunuhan.

Pembunuhan janin berlaku apabila janin yang telah terbentuk sepenuhnya (daripada segi perubatan, ini didefinisikan sebagai janin yang telah mencapai umur tiga bulan) digugurkan. Penyokong amalan perancangan keluarga memetik Imam Ali sebagai menegaskan, di hadapan Sayiddina Omar dan para Sahabat yang lain, bahawa pembunuhan bayi hanya berlaku apabila janin mencapai tahap pembentukan ke tujuh, iaitu tahap di mana ia menjadi "mahkluk yang lain" (khalqan 'aakhar). Pendapat ini

berdasarkan ayat-ayat Surah al-Mu'minoun (23:12-14) yang menerangkan peringkat pembentukan manusia:

Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia daripada pati [yang berasal] dari tanah; Kemudian Kami jadikan "pati" itu [setitis] air benih (nutfa) pada tempat penetapan yang kukuh; Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku (alaqa); Lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging (mudgha) [janin]; Kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; Kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu, Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya (khalqan' aakhir); Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.

13. *Bolehkah kontrasepsi dianggap sebagai bertentangan dengan konsep takdir (qadar), bergantung kepada Allah swt (tawakkal) dan kepercayaan bahawa Allah swt akan menentukan segala rezeki kita?*

Semua orang Islam berpegang kepada qadar dan tawakkal. Para ulama yang menyokong kontrasepsi melihat penggunaannya hanya sebagai satu cara untuk menjarakkan anak. Hasil usaha tersebut masih di tangan Allah swt. Berjaya atau gagalnya usaha kontrasepsi akhirnya bergantung kepada kehendak Allah swt.

Islam tidak menggalakkan sikap lemah atau malas yang bergantung kepada kepercayaan bahawa Allah swt akan memberi rezeki kepada semua manusia tanpa berikhtiar terlebih dahulu. Sikap seperti ini akan menghalang ummah daripada menjadi maju dan menikmati manfaat hasil kemajuan teknologi. Mendalamkan sungai, membina empangan, dan tembok pertahanan untuk mengawal banjir, misalnya, bukanlah menidakkan kehendak Allah swt atau menidakkan tawakkal kepada Allah swt. Surah al-Imran 3:159 menyebut:

"Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu), maka bertawakkallah kepada Allah."

Ini bermakna bahawa kita perlu menggunakan akal, mengambil inisiatif untuk mencapai kemahuan kita, dan hanya selepas itu barulah kita bergantung kepada Allah swt. Sayyidina Omar menerangkan bahawa ayat ini bermaksud:

"Bergantung kepada Allah swt itu samalah dengan menyemai benih di tanah dan kemudian menaruh kepercayaan kepada Allah swt (untuk hasil yang lumayan)."

Dalam hadith yang lain, seorang lelaki datang untuk bersembahyang di masjid dan menanyakan Nabi saw samada menambat untanya atau bergantung kepada Allah swt, Nabi saw menjawab,

“Tambatkannya dan bergantunglah kepada Allah swt.” (Hadith al-Tirmidhi)

Dalam erti kata yang lain, orang Islam harus berikhtiar dahulu, kemudian barulah bertawakkal.

14. *Adakah Islam menyuruh umatnya mempunyai anak yang ramai?*

Mereka yang menentang perancangan keluarga mengatakan bahawa meramaikan ummah (kathrah) adalah perintah agama dan kegagalan untuk berbuat demikian merupakan penyelewengan dari jalan yang benar. Mereka memetik hadith popular yang menyatakan:

“Berkahwinlah dan bertambahlah, kerana Aku akan menjadikan kamu tauladan di hadapan bangsa-bangsa lain pada Hari Kiamat.” (Hadith Ibn Mardawieh dengan penghuraian yang dikatakan lemah oleh al-Iraqi)

Menurut Dr. Omran perkataan “bertambah” dalam hadith tersebut membawa berbagai tafsiran. Ianya boleh membawa makna berkahwin dan lakukanlah hubungan kelamin, beranak, tetapi tidak begitu ramai hingga membebankan keluarga dan masyarakat.

Ada pula yang berpendapat bahawa sungguhpun manusia mengharapkan zuriat selepas berkahwin, harapan ini tidak semestinya tercapai. Ini mungkin disebabkan oleh kemandulan, penyakit genetik, atau kematian anak. Jika maksud perkahwinan adalah untuk mendapatkan zuriat, adakah patut perkahwinan yang gagal memenuhi syarat ini dibatalkan? Patutkah lelaki dan wanita mandul dilarang berkahwin? Dalam Islam, tidak sesiapa pun disuruh memikul beban yang tidak mampu ditanggung olehnya (Surah al-Baqarah 2:286).

Penentang perancangan keluarga juga mendakwa bahawa perancangan keluarga adalah komplot Barat untuk mengurangkan jumlah orang Islam dan menghapuskan kuasa mereka. Penyokong perancangan keluarga pula percaya bahawa masa depan orang Islam hari ini bergantung lebih kepada mutu ummah, kekuatan dan kemajuannya, kemampuannya bersaing secara global, keimanan dan kesetiakawannya, dan bukan kepada jumlahnya.

15. *Bolehkah penggunaan kontrasepsi dihalalkan kerana sebab-sebab lain?*

Dalam penyelidikannya, Dr. Omran telah menyenaraikan 10 alasan yang diterima oleh fuqaha Islam:

- untuk mengelak risiko kesihatan kepada anak yang menyusu akibat susu “berubah” apabila ibu mengandung;
- untuk mengelak daripada risiko kesihatan mental dan fizikal kepada ibu kerana sering hamil, jarak antara kehamilan yang terlalu pendek atau umur yang muda;

- untuk mengelak daripada kehamilan pada isteri yang memang sakit;
- untuk mengelak daripada anak mewarisi penyakit ibu bapa yang boleh diperturunkan;
- untuk memelihara kecantikan dan kesihatan fizikal isteri, supaya suaminya akan dapat terus menikmatinya dan menghasilkan rumahtangga yang lebih bahagia, di samping memastikan suami akan terus setia kepada isterinya;
- untuk mengelak daripada kemiskinan akibat keluarga terlalu besar yang mungkin akan memaksa ibu-bapa mencari jalan haram untuk menanggung anak mereka yang ramai; atau menjadi terlalu penat kerana asyik mencari rezeki;
- untuk membolehkan persekolahan, penjagaan dan pendidikan agama yang sempurna, yang lebih mudah dicapai dengan keluarga kecil daripada yang besar;
- untuk mengelak daripada bahaya anak-anak mereka dibawa keluar dari Islam apabila berada di kawasan musuh;
- untuk mengelak daripada mendapat anak semasa agama sedang menjadi semakin lemah;
- untuk menyediakan tempat tidur berasingan untuk anak-anak. Amalan ini lebih berkemungkinan berlaku jika anak tidak ramai.

Pada 1988, Dr. Mohammed Sayed Tantawi, Mufti Mesir (sekarang beliau adalah Sheikh Universiti al-Azhar), telah mengeluarkan fatwa yang progresif membenarkan kontrasepsi berdasarkan sebab-sebab ekonomi, budaya dan kesihatan. Beliau juga telah membenarkan perancangan keluarga kerana sebab-sebab kependudukan. Menurut fatwa ini, alasan bagi sepasang suami isteri kaya yang mempunyai tiga orang anak mengamalkan kontrasepsi bukan kerana mereka tidak mampu menjaga anak yang ramai, tetapi kerana kepentingan negara yang memerlukan pengawalan pertumbuhan penduduk, boleh diterima.

16. *Apakah sebab-sebab yang tidak boleh diterima?*

Menurut Dr. Omran, sebab-sebab tersebut adalah:

- untuk mengelak daripada mengandungkan anak perempuan;
- untuk mengelak daripada berlaku kehamilan kerana tidak menyukai peranan keibubapaan.

17. *Adakah terdapat fatwa mengenai kontrasepsi di Malaysia?*

Majlis Fatwa Kebangsaan pada 1981 mengeluarkan fatwa membenarkan kontrasepsi dalam keadaan berikut:

- isteri yang terlalu lemah atau sakit;
- isteri/suami membawa penyakit yang boleh diwarisi;
- kehamilan yang akan membahayakan nyawa ibu;
- isteri yang telah terlalu kerap mengandung;

- untuk menjarakkan kelahiran kerana sebab-sebab kesihatan, pendidikan, dan kebahagiaan keluarga.

18. *Haruskah tanggungjawab penggunaan kontrasepsi dikongsi bersama oleh isteri dan suami?*

Sememangnya lebih baik jika setiap keputusan penting keluarga diambil bersama oleh suami dan isteri melalui perbincangan dan persetujuan bersama. Oleh kerana al-azl merupakan cara kontrasepsi yang lazim digunakan pada zaman awal Islam, pendapat fuqaha membenarkan lelaki menggunakan kaedah al-azl, dengan persetujuan isterinya kerana cara ini boleh mengganggu kenikmatan isteri.

Dewasa ini, tidak ramai lelaki yang mengambil tanggungjawab untuk kontrasepsi. Kini terdapat hanya tiga cara perancangan keluarga yang boleh digunakan oleh lelaki (kondom, al-azl dan vasektomi), manakala wanita mempunyai lebih banyak pilihan. Tanggungjawab kontrasepsi biasanya menjadi tanggungjawab wanita.

Kadangkala konsep perundingan dan persetujuan bersama mungkin menimbulkan masalah apabila perbalahan timbul antara suami dan isteri, terutamanya dalam keadaan isteri tidak setaraf dengan suaminya. Besar kemungkinan tanggungjawab memutuskan samada menggunakan kontrasepsi atau tidak, atau membuat keputusan tentang kaedah kontrasepsi, atau siapakah yang akan bertanggungjawab untuk kontrasepsi, akan dibuat oleh suami.

Ini tentu sekali bertentangan dengan konsep persetujuan bersama dan musyawarah dalam Islam.

19. *Adakah wanita berhak membuat keputusan yang memanfaatkan diri dan keluarganya walaupun dia gagal mendapat persetujuan pasangannya, selepas mereka berunding?*

Menurut Dr. Omran dan para sarjana Islam yang lain, jika keadaan memaksa, pengecualian kepada peraturan mengenai persetujuan dan rundingan boleh diberikan.³

Salah satu sebab yang mungkin membenarkan pengecualian ini ialah apabila perancangan keluarga menyentuh perkara kesihatan atau kebaikan wanita dan kanak-kanak. Mazhab Hanbali juga berpegang kepada pendirian yang membenarkan isteri mengenepikan persetujuan suaminya dalam keadaan kecemasan, contohnya untuk kebaikan keluarga. Jika pertambahan jumlah anaknya akan menjelaskan kesihatan mental atau fizikal seseorang wanita atau keupayaan keluarga untuk menampung kehidupan anak-anaknya dengan sempurna, maka wanita tersebut mempunyai hak untuk kontrasepsi tanpa kebenaran suami.

Jelaslah di sini bahawa wanitalah yang hamil dan bersalin. Wanita juga yang paling bertanggungjawab serta dibebankan dengan kerja membesarakan anak, kerana kebanyakan lelaki masih belum mahu berkongsi tanggungjawab harian, seperti menjaga anak dan kerja rumah. Adalah munasabah sekiranya kita membuat andaian bahawa ada kes-kes di mana wanita sepatutnya diberikan hak untuk membuat keputusan sekiranya persetujuan bersama tidak dapat dicapai bersama suami.

20. *Apakah yang wanita fikir dan lakukan?*

Pada tahun 1992, Kumpulan Bertindak dan Penyelidikan Hak-Hak Reproductif Antarabangsa (IRRAG) telah menjalankan satu projek antarabangsa yang penting dengan melakukan penyelidikan secara terperinci mengenai wanita dan pendapat mereka tentang hak dan penentuan untuk membuat keputusan sendiri berkenaan hal-hal harian seperti kehamilan, pekerjaan, perkahwinan, kawalan kesuburan reproduktif dan hubungan seks.

Kajian di Malaysia menunjukkan bahawa wanita Malaysia mempunyai perasaan dan kesedaran yang tinggi tentang hak atau kuasa mereka untuk membuat keputusan mengenai kehamilan. Kebanyakan daripada 71 wanita yang ditemui dalam kajian tersebut telah memutuskan untuk menghadkan kehamilan mereka melalui penggunaan kontrasepsi, pemandulan atau pengguguran. Selalunya mereka mengambil keputusan itu sendiri, tanpa pengetahuan atau persetujuan suami mereka. Keputusan mereka dibuat berdasarkan hakikat bahawa sebagai ibu, tanggungjawab dan bebanan tugas membesarakan anak-anak terletak di bahu mereka. Keazaman ini tidak mengira kaum atau agama. Gambaran yang serupa dihasilkan oleh penyelidikan yang sama di enam buah negara lain iaitu, Mesir, Nigeria, Brazil, Mexico, Filipina dan Amerika Syarikat.

Beratus wanita yang ditemui dalam penyelidikan tersebut berpendapat bahawa Tuhan itu Maha Pengampun dan memahami keperluan mereka menggunakan kontrasepsi atau menolak kemahuan seks suami mereka atau kadangkala keperluan menggugurkan kandungan mereka. Ini bererti bahawa sungguhpun kepercayaan agama dan ajaran ulama mungkin melarang perbuatan seperti ini, wanita dalam penyelidikan tersebut telah membentuk nilai-nilai moral yang praktikal yang berdasarkan kepada hakikat bahawa mereka yang terpaksa menanggung penderitaan jasmani dan juga rasa tanggungjawab sosial mereka terhadap anak-anak dan keluarga.

21. *Adakah pemandulan wanita dibenarkan oleh Islam?*

Pada zaman Nabi saw pemandulan belum diketahui. Para fuqaha zaman sekarang tidak pula mendapat panduan daripada sumber-sumber fiqh yang ada. Namun begitu, kebanyakan ulama melarang pemandulan wanita yang kekal kerana mereka menyamakan ini dengan pengasian (castration) kaum lelaki yang dilihat sebagai mengubah ciptaan Allah swt.

Tetapi Dr. Omran dan para sarjana Islam lain berpendapat bahawa vasektomi dan pemandulan wanita (tubal ligation) tidak menjelaskan fungsi hormon lelaki atau wanita. Kedua-dua cara pemandulan ini tidak menjelaskan syahwat atau kebolehan menikmati seks seperti biasa. Kaedah-kaedah ini tidak boleh disamakan dengan pengasian (castration) yang membuang testikal(testicles) dan menjelaskan kebolehan seks lelaki.

22. *Adakah terdapat fatwa mengenai pemandulan wanita di Malaysia?*

Pada tahun 1981, Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa yang mengharamkan pemandulan lelaki atau wanita. Ini kerana pemandulan dianggap sebagai kaedah kontrasepsi yang kekal kerana kemampuan reproduktif seseorang itu telah terganggu. Walau bagaimanapun, pengecualian boleh diberikan dalam kes-kes tertentu. Contohnya, pemandulan dibenarkan sekiranya seorang wanita tidak boleh menggunakan kaedah kontrasepsi lain kerana masalah kesihatan dan kehamilan akan membahayakan nyawanya.

23. *Mengapakah ada para fuqaha yang mengatakan bahawa pemandulan dibenarkan sebagai kaedah kontraseptif?*

Sebilangan kecil fuqaha membenarkan pemandulan berdasarkan sebab-sebab berikut:

- tidak ada tertulis pengharaman pemandulan samada di dalam al-Qur'an atau Sunnah.
- pemandulan adalah cara kontrasepsi yang berpanjangan dan digunakan selepas jumlah anak yang dikehendaki tercapai.
- pemandulan melindungi wanita yang dalam lingkungan umur 30an, misalnya, daripada penggunaan dan kos kontraseptif yang berpanjangan.

Sheikh Ahmad Ibrahim, ulama Mesir yang terkemuka pada awal abad ke 20 telah merumuskan bahawa beliau tidak nampak apa-apa larangan agama terhadap pemandulan kerana ini adalah sejenis rawatan untuk mengelak daripada berlakunya kehamilan dengan cara yang diterima umum. Ini bukan satu jenayah terhadap kehidupan yang wujud; dan bukan jenayah terhadap seorang kanak-kanak yang hidup. Mazhab Imami membenarkan pemandulan. Adalah dianggap bahawa keputusan serius seperti ini diambil secara sukarela dan kerana sebab-sebab yang boleh diterima.⁴

24. *Oleh kerana sekarang ini pemandulan boleh dipulihkan, apakah pendapat para fuqaha mengenainya?*

Menurut Dr. Omran, ada para fuqaha yang berpendirian bahawa pemandulan patut dibenarkan sebagai satu kaedah kontrasepsi. Kemajuan teknologi perubatan sekarang telah membolehkan pemulihan saluran tiub falopio wanita dan saluran sperma lelaki yang telah menjalani kaedah pemandulan. Ini bermakna, terdapat beberapa kaedah pemandulan kini yang tidak lagi merupakan cara mencegah kehamilan yang kekal. Cara ini juga dapat menolak pendapat sebelum ini yang tidak dapat menerima kaedah pemandulan sebagai satu cara kontrasepsi kerana kaedah ini pemandulan akan merosakkan fungsi reproduksi manusia secara kekal.

25. *Adakah pengguguran (abortion) dibenarkan oleh Islam?*

Jikalau nyawa seseorang wanita terancam, terdapat kata sepakat (consensus) bahawa pengguguran dibenarkan oleh Islam. Dalam kes-kes lain, pendapat adalah berbeza-beza.

Pendapat-pendapat yang berlainan mengenai boleh atau tidaknya menggugurkan kandungan sebelum 120 hari termasuklah:

- pengguguran dihalalkan, menurut pendapat mazhab Zaydi dan beberapa sarjana Shafie dan Hanafi, dan juga sejumlah kecil sarjana Maliki dan Hanbali.
- makruh jika ada alasan, menurut beberapa sarjana Hanafi dan Shafie.
- boleh dilakukan hanya jika 40 hari ke bawah – pendapat minoriti mazhab Maliki dan Sai'id al-Bouti (sarjana Syariah Syria).⁵

Pengguguran diharamkan dalam keadaan-keadaan berikut:

- pengguguran paksaan, tanpa kerelaan wanita yang terlibat;
- pengguguran digunakan sebagai cara biasa merancang keluarga;
- pengguguran berbahaya yang akan mengancam nyawa wanita;
- pengguguran berbahaya / tidak bersih akibat keadaan persekitaran di mana ia dilakukan;
- pengguguran berdasarkan pemilihan jantina janin;
- kehamilan yang melebihi empat bulan (120 hari) yang dianggap oleh kebanyakan fuqaha sebagai masa janin menerima ruhnya.

Dr. Omran membawa perhatian kita kepada perbahasan semasa di kalangan para sarjana tentang masa janin diruhkan. Teknologi perubatan menunjukkan janin bergerak sebelum 120 hari dan dengan demikian ada sarjana sekarang ini berpendapat bahawa pengguguran adalah haram walaupun dilakukan pada jangkamasa yang dbolehkan.

26. *Adakah undang-undang sivil Malaysia membenarkan pengguguran?*

Malaysia membenarkan pengguguran jika dilakukan oleh doktor perubatan bertauliah yang berpendapat bahawa “dengan meneruskan kehamilan ini akan melibatkan risiko kepada nyawa wanita yang hamil, atau menyebabkan kecederaan kepada kesihatan mental atau fizikal wanita hamil, yang jauh lebih besar daripada bahaya menamatkan kehamilan tersebut.”, (Seksyen 312, Kanun Keseksaan [Pindaan] 1989 [Akta A727]).

27. *Adakah terdapat apa-apa percanggahan di antara prinsip Islam dan konsep-konsep Hak Reproductif seperti yang diterangkan di Persidangan Antarabangsa Kependudukan dan Pembangunan di Kaherah, 1994?*

Konsep Kesihatan dan Hak Reproductif mengiktiraf empat prinsip asas:

- hak untuk membuat keputusan dengan bebas mengenai jumlah dan jarak anak, dan hak mendapatkan maklumat serta berkeupayaan mendapatkannya;

- hak untuk mendapatkan taraf yang paling tinggi bagi kesihatan seksual dan reproduktif;
- hak untuk membuat keputusan mengenai kehamilan bebas daripada paksaan, diskriminasi, atau keganasan;
- hak untuk menikmati hubungan seks yang memuaskan dan selamat.

Dalam bengkel anjuran Sisters in Islam, Dr. Omran berkata bahawa semua prinsip ini adalah sejajar dengan prinsip-prinsip dan matlamat undang-undang Islam (maqasid al-Shari'ah). Hak-hak ini terkandung dalam lima objektif asas Shari'ah yang wujud untuk faedah individu dan masyarakat:

- untuk menyelamatkan nyawa
- untuk menyelamatkan intelek
- untuk menyelamatkan iman
- untuk menyelamatkan zuriat
- untuk menyelamatkan harta benda

Dalam perundangan Islam, undang-undang dan dasar yang mencapai matlamat-matlamat Shari'ah adalah dianggap sah. Maka jelaslah bahawa prinsip-prinsip asas kesihatan dan hak reproduktif tidak bercanggah dengan objektif Shari'ah yang lima tadi, ataupun prinsip-prinsip Islam mengenai keadilan, kesaksamaan, kebebasan dan kehormatan.

28. *Adakah terdapat percanggahan antara ajaran Islam dan konsep kesaksamaan antara wanita dan lelaki dalam hal hubungan seksual dan reproduksi seperti yang ditekankan oleh Pelan Bertindak Persidangan Wanita di Beijing, 1995?*

Persidangan Beijing meletakkan hak-hak reproduktif dari segi konsepnya, ke dalam kerangka kesaksamaan gender dan hak-hak asasi manusia. Adakah ini bercanggah dengan ajaran Islam? Pergerakan reformasi Islam dan aktivis wanita Islam berpendapat bahawa prinsip-prinsip kesaksamaan dan keadilan tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Prinsip-prinsip ini sentiasa ditekankan oleh al-Qur'an.

Beberapa ayat al-Qur'an juga menyebut tentang hubungan saling bergantung antara wanita dan lelaki. Dalam Surah al-Imran 3:195, Surah an-Nisa' 4:124, Surah al-Tawbah 9:71-72, Surah an-Nahl 16:97, Surah al-Ahzab 33:35-36, Surah Ghafir 40:40, Allah swt menyeru kepada kedua-dua perempuan dan lelaki, memberi mereka kesaksamaan peranan dan tanggungjawab daripada segi keimanan dan perjuangan Islam, serta ganjaran dan hukuman yang sama terhadap segala tindakan mereka.

Ayat-ayat al-Qur'an yang lain pula memperkatakan mengenai hubungan saling bergantung antara wanita dan lelaki. Dalam Surah al-Baqarah 2:187, al-Qur'an menggambarkan lelaki Islam sebagai pakaian kepada perempuan Islam dan begitu juga sebaliknya, perempuan Islam seperti pakaian kepada lelaki Islam; mereka saling bantu-

membantu, selesa-menyesakan dan lindung-melindungi, padan-memadani satu sama yang lain seperti pakaian yang dipadankan di badan (komentar oleh Abdullah Yusuf Ali). Dalam Surah al-Imran 3:195, al-Qur'an menyebut:

"Samada kamu lelaki atau perempuan, kamu adalah teman, satu sama yang lain."

Dalam Surah al-Tawbah, 9:71, ayat terakhir mengenai hubungan lelaki-perempuan, al-Qur'an menyebut tentang wanita dan lelaki sebagai awliyya – sahabat dan penjaga yang melindungi – satu kepada yang lain. Dengan demikian nilai-nilai murni seperti yang tertanam di dalam perutusan al-Qur'an ini tidak dapat menghalalkan ketidaksamaan antara wanita dan lelaki seperti diskriminasi terhadap wanita ataupun keganasan rumah tangga dan keganasan seksual.

Berasaskan kefahaman mesej etika yang termaktub dalam al-Qur'an, ramai para sarjana Islam mempercayai bahawa konsep kesaksamaan antara wanita dan lelaki, keadilan, dan hak-hak wanita adalah bersesuaian dengan ajaran Islam. Mereka mempercayai bahawa konsep kesaksamaan, keadilan, persetujuan dan rundingan bersama boleh dibentuk dalam perkahwinan Islam supaya hubungan kekeluargaan yang lebih stabil, selamat dan memuaskan dapat berkembang.

Nota

¹ Omran 1992:6

² Omran 1992. Sejumlah besar jawapan kepada soalan-soalan teologi dalam risalah ini dipetik daripada kertaskerja Dr. Omran mengenai Pencegahan Kehamilan, Pengguguran dan Isu-isu Reproduktif dalam Warisan Islam, yang dibentangkan di Bengkel Serantau mengenai Islam, Kesihatan Reproductif dan Hak-hak Wanita anjuran Sisters in Islam, Kuala Lumpur, Ogos 20-23 1998, dan juga daripada buku di atas.

³ Kesimpulan dicapai di Bengkel Serantau seperti yang tersebut di atas.

⁴ Omran 1998:23-24

⁵ Ibid., 22

Rujukan:

Rashidah Abdullah, Reproductive Health and Rights: The Importance for Muslim Women, kertaskerja yang dibentangkan di Bengkel Serantau anjuran Sisters in Islam yang bertajuk Islam, Reproductive Health and Women's Rights, Kuala Lumpur, Ogos 20-23 1998.

Abdullah Yusuf Ali. The Meaning of the Holy Qur'an. Maryland: Amana Publications, 1989.

Abdullahi an-Naim, Islamic Foundation for Women's Human Rights, kertaskerja yang dibentangkan di Bengkel Serantau anjuran Sisters in Islam yang bertajuk Islam, Reproductive Health and Women's Rights, Kuala Lumpur, Ogos 20-23 1998.

Federation of Family Planning Associations of Malaysia, Panduan Kaedah Merancang Keluarga, Petaling Jaya, 1993.

International Planned Parenthood Federation. Kaedah Semula Jadi. Petaling Jaya, 1983.

Masdar Mas'udi, Islam and Women's Reproductive Rights, kertaskerja yang dibentangkan di Bengkel Serantau anjuran Sisters in Islam yang bertajuk Islam, Reproductive Health and Women's Rights, Kuala Lumpur, Ogos 20-23 1998.

_____. Islam dan Hak-hak Reproduktif Perempuan. Bandung: Penerbit Mizan, 1997.

Abdel Rahim Omran, Contraception, Abortion and Reproductive Issues in the Legacy of Islam, kertaskerja yang dibentangkan di Bengkel Serantau anjuran Sisters in Islam yang bertajuk Islam, Reproductive Health and Women's Rights, Kuala Lumpur, Ogos 20-23 1998.

_____. Family Planning in the Legacy of Islam. London: Routledge, 1992.

Fathi Osman, Equality in Marriage: A Shari'ah Perspective, kertaskerja yang dibentangkan di Bengkel Serantau anjuran Sisters in Islam yang bertajuk Islam, Reproductive Health and Women's Rights, Kuala Lumpur, Ogos 20-23 1998.

_____. Concepts of the Qur'an: A Topical Reading. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1997.

Rosalind P Petchesky and Karen Judd (eds.) Negotiating Reproductive Rights: Women's Perspectives Across Countries and Cultures. International Reproductive Rights Research Action Group (IRRAG). London and New York: Zed Books, 1998.

Amina Wadud, Family in Islam: Or Gender Relations by Any Other Name, kertaskerja yang dibentangkan di Bengkel Serantau anjuran Sisters in Islam yang bertajuk Islam, Reproductive Health and Women's Rights, Kuala Lumpur, Ogos 20-23 1998.